

# HARI KELUARGA CAWANG TADBIR DAN SKN 208 PROVOS PANGKALAN UDARA SUBANG

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4241-hari-keluarga-cawang-tadbir-dan-skn-208-provos-pangkalan-udara-subang](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4241-hari-keluarga-cawang-tadbir-dan-skn-208-provos-pangkalan-udara-subang)

SUBANG, 9 Dis 18 – Cawang Tadbir dan Skn 208 Provos Pangkalan Udara Subang telah mengadakan Hari Keluarga yang telah berlangsung dengan meriahnya di Mini Stadium PU Subang hari ini. Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Hj Muhammad Mudzamir Ong bin Abdullah TUDM, pegawai-pegawai, anggota lain-lain pangkat dari Cawang Tadbir dan Skn 208 Provos serta keluarga telah hadir memeriahkan majlis tersebut.

Majlis diserikan dengan pelbagai acara sukaneka, permainan untuk kanak-kanak dan jamuan yang telah diadakan mulai 8.00 pagi sehingga 2.00 petang. Turut diadakan penyampaian Cenderahati kepada anggota bertukar keluar dan tamat perkhidmatan, anggota yang baru mendirikan rumahtangga serta anggota yang baru menimang cahaya mata.

Aktiviti yang berkonsepkan Work-life Balance ini secara tidak langsung mengeratkan lagi silaturahim antara warga Cawang Tadbir dan Skn 208 Provos PU Subang, disamping nilai-nilai positif dapat diterapkan dalam diri seluruh warga cawang dan skuadron yang terlibat.



